

Nestlé Mulakan Tahun 2017 Dengan Prestasi Kukuh *Catatkan Pertumbuhan Hasil & Untung Lebih Tinggi*

SOROTAN PENTING

- Perolehan bagi suku tahun dilaporkan meningkat 4.4% kepada RM1.4 bilion.
- Jualan domestik dan eksport menjadi penyumbang utama, disokong oleh pemasaran dan promosi kukuh, dengan produk baru membina asas yang teguh dalam tempoh dua tahun lepas.
- Jualan domestik dan eksport catatkan pertumbuhan mantap 4.7% dan 3.6% masing-masing.
- Untung Selepas Cukai meningkat sebanyak 4.4% kepada RM230 juta bagi suku tahun dilaporkan.

PETALING JAYA, 25 April 2017 – Nestlé (Malaysia) Berhad memulakan tahun kewangan dengan prestasi kukuh apabila mencatatkan hasil dan untung lebih tinggi bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2017.

Tinjauan Prestasi – Suku 1, 2017 berbanding Suku 1, 2016

Perolehan bagi suku tahun meningkat sebanyak 4.4% kepada RM1.4 bilion berbanding RM1.3 bilion yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Ini dicapai berasaskan sumbangan kukuh daripada jualan tempatan dan eksport, yang masing-masing mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 4.7% dan 3.6%.

En. Alois Hofbauer, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Kami telah memulakan tahun dengan baik dan mencatatkan keputusan positif yang mantap. Jualan domestik dipacu oleh promosi pemasaran dan perdagangan, dan disokong oleh asas kukuh yang dibina daripada produk baru yang diperkenalkan

sejak dua tahun lepas, yang terus membawa manfaat kepada Kumpulan. Keputusan kami untuk melabur terlebih dahulu didalam promosi pemasaran dan perdagangan pada suku terakhir 2016 adalah amat tepat sekali dan terbukti memberi keputusan yang positif pada suku pertama 2017 ini.”

“Di samping itu, kami melancarkan beberapa inovasi produk baru pada suku tahun yang dilaporkan. Ini termasuk *MAT KOOL Panda*, *NESCAFÉ GOLD Creamy Latte* dan *Dark Latte*, *MAGGI Hot Mealz*, Mi MAGGI Perisa Ayam Bijan Panggang dan KITKAT Mini. Produk baru ini adalah sebahagian daripada inovasi dan pengubahsuaian berterusan yang kami laksanakan untuk memenuhi keperluan rakyat Malaysia yang sentiasa berubah.”

Struktur untung Kumpulan tetap kukuh, disokong oleh inisiatif meningkatkan kecekapan dalaman dan pengurusan kos berhemat yang membantu mengurangkan kesan kenaikan harga komoditi dan penyusutan nilai Ringgit. Ini membolehkan Kumpulan mencatatkan Untung Sebelum Cukai lebih tinggi berjumlah RM291 juta, iaitu peningkatan 5.4% berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya, manakala Untung Selepas Cukai meningkat sebanyak 4.4% kepada RM230 juta bagi suku tahun yang dilaporkan.

Prospek

En. Hofbauer menambah, “Meninjau ke hadapan, kos input lebih tinggi dan tahap keyakinan pengguna akan tetap menimbulkan cabaran pada tahun 2017. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran ekonomi, kami yakin strategi terbukti kami berlandaskan tunggak-tunggak penting untuk menjana, berinovasi dan transformasi demi pertumbuhan akan membolehkan kami menangani cabaran-cabaran ini.”

“Kami terus memberi tumpuan untuk meningkatkan kecekapan di seluruh rantai nilai dan melabur dalam kejayaan jenama dan inovasi kami, di samping mengukuhkan promosi perdagangan dan pengguna. Tambahan lagi, kami gembira dengan prospek jangka panjang Malaysia yang cerah, yang merupakan petanda baik bagi Syarikat kami,” katanya.

“Kami didorong oleh tujuan kami – meningkatkan kualiti kehidupan dan menyumbang kepada masa depan lebih sihat – yang membolehkan kami menjana nilai bagi pemegang saham kami. Dengan tekad memenuhi matlamat ini, kami komited untuk menawarkan minuman dan makanan lebih lazat dan lebih sihat demi rakyat Malaysia yang lebih ceria dan lebih sihat. Ini adalah sejajar dengan janji kami untuk menawarkan *Good Food, Good Life* kepada semua,” rumus En. Hofbauer.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185
+6012-353 1337

E-mel: Maxine.Lim@my.Nestle.com

Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348
+6012-304 7604 (Joanne) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my